

'Ayah buat saya terharu'

Pesakit strok berkerusi roda hadiri majlis konvokesyen anak di UPM



>>Oleh Maiamalina Mohamed Amin
maiamalina@hmetro.com.my

SERDANG: "Saya gembira dan sangat terharu kerana ayah sanggup datang meraikan konvokesyen saya hari ini (semalam) walaupun dia sebenarnya tidak kuat serta terpaksa berkerusi roda akibat strok sebelah badan," kata Manisah Abu, 24.

Pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains (Sains Biopeperubatan) itu, seorang daripada 791 graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing pada Istiadat Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-32, sesi keempat, semalam.

Majlis konvokesyen itu membuka tirainya kelmariin menyaksikan 7,846 menerima ijazah, termasuk ijazah

Saya bimbang juga kalau tiba-tiba ayah jatuh sakit atau alami kesulitan kerana berkurung terlalu lama dalam dewan dipenuhi orang"

>Manisah Abu
Pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains.

kehormat, doktor falsafah (PhD), sarjana, sarjana muda dan diploma sebelum berakhir Rabu ini.

Menurut Manisah, dia tidak menyangka ayahnya, Abu Ali, 56, yang menderita strok sejak dua tahun lalu, dapat bertahan lama dalam Dewan Besar Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz

Shah, UPM, menyaksikan menerima ijazah.

"Saya bimbang juga kalau tiba-tiba ayah jatuh sakit atau menghadapi kesulitan kerana berkurung lama dalam dewan dipenuhi orang ramai, tetapi nampaknya dia masih kuat dan dapat bertahan sehingga majlis selesai kira-kira tiga jam kemudian.

"Syukur semuanya selamat dan apa yang penting saya dapat kotakan janji ayah yang mahu melihat melihat saya menggendang segulung ijazah selepas tamat diploma tiga tahun," katanya yang memperoleh keputusan CGPA 3.60.

Mengenai perancangan masa depannya, Manisah berkata dia akan melapor diri sebagai pegawai penyelidik di UPM tidak lama lagi, namun sebelum itu sempat menimba pengalaman sebagai penolong pegawai sains di Pusat Pengurusan Penyelidik, UPM, sebelum lalu.

Sementara itu, penerima Sarjana Pendidikan (TESL),



GAMINI...untuk anak

Gamini Chanderasana, 44, berkata kejayaan memperoleh ijazah terbabit dikongsi bersama keluarga selain dijadikan dorongan buat tiga anak berusia 11 hingga 15 tahun, berusaha lebih gigih.

"Pencapaian saya ini adalah untuk anak-anak dan kalau boleh saya mahu mereka lebih bersemangat, berusaha gigih dan cemerlang dalam pelajaran masing-masing seterusnya dapat buat PhD bersama-sama saya kelak," katanya.



TERHARU...Manisah (kiri) meraikan kejayaannya bersama Abu dan ibunya, Hasnah Atan.